

Majoriti rakyat tolak demonstrasi

BH 15 APR 2000

HAVANA. Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata majoriti rakyat Malaysia tidak dapat menerima demonstrasi dan perhimpunan haram yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak stabil.

Perdana Menteri menjelaskan kenyataannya yang dibuat sebelum ini melarang rakyat terbabit dalam perhimpunan seperti itu tidak ada kaitan dengan taktik untuk menakut-nakutkan mereka.

"Sama ada ia taktik menakut-nakut atau tidak, bergantung kepada persepsi andh. Kerajaan mempunyai tugas untuk memastikan negara stabil dan aman," katanya

menjawab soalan wartawan asing selepas menghadiri hari kedua Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai perhimpunan haram yang dirancang diadakan di ibu negara untuk memperingati setahun bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dipenjara kerana kesalahan salah guna kuasa.

"Demonstrasi dan keganasan tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia. Kerajaan mempunyai tugas kepada majoriti rakyat dan cuba mengelakkan kejadian seperti itu. Jadi, kami perlu membuat

kenyataan awal mengenai perkara ini. Jika tidak, kami tidak menjalankan tugas kami," katanya.

Mengenai penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir menjelaskan bahawa akta itu akan digunakan berlandaskan keperluan undang-undang.

"Kami tidak menahan rakyat kami sewenang-wenangnya, melainkan mereka melakukan keburukan kepada negara," katanya.

"Kami mungkin tidak sebijak negara maju mentadbir negara mereka, tetapi kami tahu apa yang kami lakukan," tegasnya.

Menjawab soalan meng-

apa beliau enggan hadir untuk memberi keterangan berhubung kes Anwar di mahkamah, Dr Mahathir berkata beliau tidak ada masalah untuk memberi keterangan di mahkamah.

Beliau mengulangi, jika perlu berbuat demikian ia mestilah relevan kepada kes.

"Tertuduh sudah mengemukakan afidavit. Saya sudah membalas dan dia juga sudah membalas kepada afidavit balasan saya. Sekarang terpulang kepada hakim untuk menentukan sama ada relevan atau tidak. Jika ia mengatakan relevan, maka saya akan pergi ke mahkamah," tambahnya.